

Britain hormati pendekatan Malaysia perangi keganasan

UM 11 JAN 2003

SEPANG 10 Jan. — Britain menghormati pendirian tegas Malaysia yang tidak mahu menggunakan pendekatan secara kekerasan bagi menyelesaikan sebarang krisis sejagat dalam memerangi keganasan.

Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Luar Negara dan Komanwel Britain, Jack Straw berkata, walaupun dua negara itu mempunyai pendirian berbeza berhubung soal keganasan, namun ia bukanlah penghalang dalam mengekalkan hubungan dua hala.

“Mungkin London mempunyai pendekatan yang jelas agak berlainan daripada Kuala Lumpur, tetapi kami tetap menghargai kerjasama dan peranan aktif berterusan negara ini di arena antarabangsa khususnya dalam menangani isu keganasan,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar di Hotel Pan Pacific di sini, malam ini sebelum berlepas pulang ke London selepas mengadakan lawatan singkat ke negara ini.

Turut hadir pada sidang akhbar ialah Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Bruce Cleghorn.

Mengulas lawatan beliau lebih lanjut, Straw berkata, lawatan ke Malaysia dibuat bagi meninjau pandangan pemimpin negara

ini dalam pelbagai isu antarabangsa khususnya berhubung krisis Asia Barat yang semakin meruncing kebelakangan ini.

“Dalam perbincangan bersama Dr. Mahathir, beliau meminta Britain supaya menyelesaikan isu keganasan di rantau itu secara lebih berhemah khususnya konflik Palestin dan rejim Israel serta isu Iraq,” ujarnya.

Beliau menambah, Dr. Mahathir juga secara terbuka menyarankan kepada Britain agar mencari dan memahami punca tercetusnya keganasan di rantau itu terlebih dahulu sebelum menuding jari menyalahkan pihak lain khususnya umat Islam.

Straw bagaimanapun memberi jaminan, Britain berusaha sedaya upaya dan lebih berhati-hati dalam menangani isu Asia Barat sebaik mungkin dengan berlandaskan kepada pelbagai pelan damai dan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Beliau turut menghargai pandangan Dr. Mahathir berhubung pengukuhan kerjasama bagi meningkatkan lagi hubungan erat kedua-dua negara dalam pelbagai sektor selain memberi jaminan akan mengambil kira setiap pandangan Malaysia.